

INSTITUSI MASJID :

Fungsi dan Peranannya Dalam Pembangunan Masyarakat Islam di Thailand¹

PENDAHULUAN

Thailand adalah sebuah Negara Kerajaan yang mempunyai Negara jiran perbatasannya dengan Burma dan Laos di bahagian barat dan utara, berbatasan dengan Laos dan Kambodia dibahagian timur dan dengan Malaysia di bahagian selatan. Bentuk kedudukan geografis letaknya negeri Thai, ia dikelilingi oleh pelbagai kebudayaan dan peradaban bangsa negeri jiran tetangganya. Thailand mempunyai penduduk sekitar enam puluh juta jiwa dan dalam jumlah tersebut terdapat penduduk yang beragama Islam sekitar lima juta jiwa. Dari jumlah penduduk Thai muslim tersebut berada padat di kawasan lima wilayah bahagian selatan Thailand sekitar 75-80 peratus. Adapun jumlah masjid, menurut data terakhir pada tahun 2001 M. di Thailand mempunyai masjid yang berdaftar dengan kerajaan sebanyak 3,257 buah masjid, disamping itu masih terdapat ratusan masjid yang belum didaftarkan karena tidak memenuhi syarat. Tiap-tiap masjid yang berdaftar masing-masing mempunyai ahli jawatankuasa masjid sekurang-kurangnya 9 orang dan tidak lebih dari 15 orang. Setiap masjid dipimpin oleh seorang imam sebagai Ketua Khatib dan bilal sebagai Timbalan Ketua Ahli Jawatankuasa masjid. Berdasarkan data tahun 2001M kini jumlah ahli jawatankuasa masjid diseluruh Thailand sebanyak 48,780 orang, yang mengambil atau diberi tugas untuk perperanan dalam pembinaan masyarakat Islam di Thailand.


¹Kertaskerja diajukan oleh Assistant Prof. Dr. Isma-ae Alee, Director, College of Islamic Studies, Prince of Songkla University, Pattani, Thailand.

Dalam menjalankan tugas pentadbiran masjid di Thailand mesti sesuai dengan undang-undang masjid, ketetapan diraja mengenai sumbangan bagi urusan agama, dan peraturan-peraturan pelantikan dan pemecatan ahli jawatan kuasa masjid.

Institusi yang berperanan sebagai pengawal dan pengarah kegiatan-kegiatan masjid ialah “Ahli Jawatankuasa Majlis Agama Islam Wilayah” yang dipilih oleh para imam atau ketua ahli jawatankuasa masjid dalam wilayahnya masing-masing. Majlis Agama Islam di Thailand hanya mempunyai sebanyak 33 wilayah dari 76 wilayah sahaja.

Majlis Agama Islam wilayah berkuasa dalam melantik dan memecat ahli jawatankuasa masjis. Untuk bertanggung jawab dalam hal ehwal umat dan urusan Islam di Thailand , masih ada institusi Islam peringkat Negara iaitu “Majlis Agama Islam Pusat Thailand” yang diketuai oleh “ Syaikhul Islam Thailand ” atau lumrahnya dikenali oleh umat Islam Thailand dengan nama “Chula Racamontri ”. Setiap pringkat institusi Islam berada dalam arahan Istitusi Negara yang dikawal oleh dua Kementerian, iaitu Kementerian Dalam Negeri dan Kementerian Pendidikan. Supaya lebih tergambar kerangka pentadbirannya, lihat rajah dibawah ini:

**RAJAH PENTADBIRAN URUSAN HAL EHWAL AGAMA ISLAM DI
THAILAND**



STATUS DAN KEWUJUDAN MASJID DI THAILAND

Pokok pembicaraan dalam kertaskerja ini diarahkan kepada Institusi masjid. Ia adalah sebagai institusi yang terbawah atau terkecil bagi umat Islam di Thailand. Untuk maklumat bersama ,menurut pengamatan kami dan kenyataannya semenjak dulu sampai sekarang bahawa masjid di Thailand, kalau di tinjau dari segi status dan keadaannya ada dua kategori iaitu

1. Masjid yang berdaftar dengan kerajaan dan
2. Masjid yang tidak berdaftar dengan kerajaan.

Kalau ditinjau dari segi wujud atau adanya masjid di Thailand, ia wujud di tengah-tengah masyarakat dari tiga sumber utama iaitu:

1. Masjid yang didirikan dengan dana hasil sadakah dan sumbangan masyarakat. Dalam kategori ini ada masjid yang berdaftar dan ada juga yang tidak berdaftar.

Masjid seperti ini merupakan masjid rakyat untuk rakyat, dia wujud dan didapati dihadapan umat memang karena keperluan rakyat yang merasakan bahawa masjid adalah suatu institusi penting bagi kehidupan beragama Islam bagi mereka baik secara peribadi, keluarga dan masyarakat. Masjid seperti ini wujud adalah dari hasil pengurusan jiwa, raga dan harta meraka. Masjid-masjid seperti inilah yang terbanyak didapati di Thailand. Menurut anggaran kami jumlahnya tidak kurang dari 90 peratus.

2. Masjid yang dibangunkan dengan dana kerajaan. Ada masjid yang berdaftar dan ada juga yang tidak berdaftar.

Masjid seperti ini merupakan masjid yang dibuat dengan dana kerajaan untuk rakyat. Pada umumnya ia merupakan masjid jami', besar dan megah bangunannya dan dibangun dipusat-pusat kota wilayah , seperti Masjid Jami' Pattani, Narathiwat, Yala, Setul dan Songkhla di Daerah Hadnyai.

3. Masjid yang dibangun dengan dana sumbangan perseorangan dan organisasi dari dalam maupun luar negera. Ada masjid yang berdaftar dan ada juga yang tidak berdaftar. Masjid seperti ini merupakan masjid kecil-kecil dan jumlahnya bertambah dengan cepat di Thailand.

FUNGSI DAN PERANAN MASJID DALAM PEMBINAAN MASYARAKAT MUSLIM DI THAILAND

Dalam kertaskerja ini akan membahas fungsi dan peranan masjid di Thailand secara umum, tidak memperincikan satu persatu menurut katagori masjid seperti diuraikan diatas. Masjid di Thailand pada umumnya mempunyai fungsi dan peranannya , sebagai institusi yang dapat menjalankan pengurusan yang baik dan sebagai tempat untuk menunaikan ibadah salat , juga diadakan kegiatan pendidikan , social dan da'wah .

1. PENGURUSAN MASJID

Undang-undang Pentadbiran Organisasi Agama Islam tahun 2540 B. (1937 M.) telah menetapkan beberapa peraturan dan tatacara berkaitan dengan pentadbiran masjid , diantaranya ialah :

Pasal 30 telah menetapkan , bahawa supaya diadakan satu staf ahli jawatan kuasa masjid yang terdiri dari :

1. Imam masjid sebagai Ketua Ahli Jawatankuasa masjid.
2. Khatib sebagai timbalan ketua Ahli Jawatankuasa masjid.
3. Bilal sebagai Timbalan Ketua ahli Jawatankuasa masjid.
4. Ahli-ahli yang lain menurut ketetapan dari anggota kariah masjid masing-masing yang jumlahnya tidak kurang dari enam orang dan tidak lebih dari dua belas orang.

Supaya anggota kariah masjid yang berumur cukup lima belas tahun keatas musyawarat untuk memilih jawatan menurut perenggang satu:

Supaya ahli jawatan kuasa masjid yang terpilih Ahli menurut (4) untuk menjawat sebagai setiausaha satu orang , tata usaha satu orang , bendahari satu orang dan jawatan lain menurut keperluannya.

Supaya Ketua Majlis Agama Islam Wilayah atau Ahli Jawatankuasa Majlis Agama Islam Wilayah, yang menerima kuasa dari Ketua Majlis Agama Islam Wilayah untuk menjadi Ketua atau pimpinan sidang musyawarat anggota kariah masjid , untuk menjalankan pemilihan ahli jawatan kuasa masjid, kemudian menganjurkan kepada Majlis Agama Islam untuk buat

pertimbangan, hal ini menurut peraturan ketetapan Majlis Agama Islam Pusat Thailand.

Pasal 31 ...Masa jawatan imam , khatib dan bilal, hendaknya berlaku masa menurut peraturan yang ditetapkan oleh Ahli Jawatankuasa Majlis Agama Islam Pusat Thailand. ...

Pasal 33 Jika jawatan imam , khatib dan bilal kosong , hendaknya diambil cara menurut undang-undang pasal 30 untuk memilih orang menggantikan jawatan tersebut dalam tempoh masa seratus lapan puluh hari, dihitung dari hari kosongnya jawatan tersebut.

Pasal 34 Ahli jawatan kuasa menurut pasal 30 (4) mempunyai masa jawatan selama empat tahun

Pasal 35 Ahli Jawatankuasa Masjid mempunyai kuasa dan kewajiban sebagai berikut :

- (1) Menjaga masjid dan harta kekayaannya dengan baik.
- (2) Mengeluarkan peraturan pelaksanaan dalam masjid supaya pelaksanaan urusan masjid dapat berjalan dengan baik.
- (3) Menjalankan tugas menurut arahan dan 'penjelasan dari Ahli Jawatankuasa Majlis Agama Islam Pusat Thailand dan Ahli Jawatankuasa Majlis Agama Islam Wilayah, selama tidak bercanggah dengan agama Islam dan undang-undang.
- (4) Memberi sokongan kepada anggota kariah masjid dalam menunaikan ibadah agama , mengajak kepada bersatupadu dan tolong menolong antara satu sama lain menurut apa yang dikehendaki oleh ketetapan agama Islam.
- (5) membuat pertimbangan dan keputusan terima muslim yang masuk menjadi anggota kariah masjid.

- (6) Memberi kemudahan , bimbingan dan pengajaran kepada anggota kariah masjid untuk menjalankan ibadah dengan betul dan bersungguh-sungguhan.
- (7) Mendamaikan perselisihan yang terjadi antara anggota kariah masjid, tatkala menerima aduan dari mereka.
- (8) Mengadakan dan menjaga buku daftar anggota kariah masjid dan selalu mengadakan pemeriksaan, merubah tambah buku daftar tersebut supaya benar dan betul dengan keadaan yang sebenarnya.
- (9) Meluarkan nama anggota kariah masjid dari buku daftar , jika setelah diperiksa , ternyata ia berbuat perkara yang melanggar atau tidak membuat sesuatu yang benar/betul menurut ketetapan agama Islam.
- (10) Mengadakan buku daftar harta kekayaan masjid , dokumen dan banci wang keluar-masuk masjid dengan jelas dan benar , sesuai dengan keadaan yang sebenarnya , dan membuat lapuran hasil pelaksanaan , keadaan kewangan dan harta kekayaan masjid , kemudian melapurkan kepada Majlis 'Agama Islam Wilayah untuk mengetahuinya dalam tempoh masa bulan Mac setiap tahun.
- (11) Melihat anak bulan , kemudian melapurkan hasilnya kepada Majlis Agama Islam Wilayah.
- (12) Memberi sokongan urusan pendidikan dan kegiatan-kegiatan yang tidak bercanggah dengan ajaran agama Islam.


Pasal 37 Imam mempunyai kuasa dan kewajipan sebagai berikut :

- (1) Menjalankan tugas menurut ketetapan agama Islam.
- (2) Memerintah , mengawal dan membimbang kakitangan pekerja masjid supaya menjalankan tugasnya dengan teratur dan tertib.
- (3) Memberi nasihat kepada anggota kariah masjid agar berbuat sesuatu dengan benar menurut perintah agama Islam dan undang-undang.
- (4) Memberi kemudahan kepada kaum muslim dalam melaksanakan ibadah.
- (5) Mengajar dan memberi nasihat asas beragama dalam Islam , kepada seluruh anggota kariah masjid.

Pasal 38 Khatib mempunyai kewajiban melaksanakan tugas menurut perintah agama Islam, dalam mengajarkan agama kepada anggota kariah masjid.

Pasal 39 Bilal mempunyai kewajiban melaksanakan tugas menurut perintah agama Islam, dalam hal istihar atau menyeru dan mengajak orang Islam menunaikan ibadah dengan tepat waktu.

STRUKTUR PENGURUSAN MASJID DI THAILAD



Demikianlah garis besar ketetapan undang-undang bagi Imam, Khatib , Bilal dan Ahli Jawatankuasa Masjid, untuk menjadi pedoman dalam berperanan menuju pembinaan kehidupan masyarakat Islam di Thailand.

2. MASJID SEBAGAI PUSAT IBADAH SALAT

Fungsi masjid sebagai pusat atau tempat menunaikan ibadah salat baik salat fardu lima waktu dalam masa sehari semalam , salat Jum'ah, salat jinazah dan salat-salat Sunat , fungsi ini adalah suatu hal yang lumrah bagi masjid di seluruh dunia , yang menuntut agar umat Islam dapat perperanan dengan mengaktifkan diri, menyeru dan mengajak keluarga , jiran tetangga dan masyarakat untuk menuju masjid menunaikan ibadah salat. Di Thailand juga tidak ada perbezaan dengan tempat yang lain.

3. SEKOLAH FARDU 'AIN MASJID

Fungsi masjid di Thailand, sebagai tempat asas pertama bagi masyarakat Islam dalam mempersiapkan jenerasi yang bertaqwa kepada Allah Subhanahuwata'ala, masjid-masjid difungsikan oleh masyarakat sebagai tempat pendidikan fardlu 'ain secara formal. Dengan demikian masjid dapat mengambil bahagian untuk berperanan dalam masyarakat di bidang pendidikan , baik masyarakat di 3-5 wilayah perbatasan selatan Thai, yang memakai bahasa melayu sebagai bahasa pengantar dalam proses pembelajaran maupun masyarakat Thai muslim yang memakai bahasa Thai sebagai bahasa pengantar masing-masing . Mereka telah mendirikan sekolah disamping masjid untuk mengajar agama Islam di peringkat fardu 'ain.

Antara yang terkenal di Thailand ialah Sekolah Fardu 'Ain kelompok TADIKA, Sekolah Fardu 'Ain kelompok SAMAKOM KURU SAMPHAN , Sekolah Fardlu 'Ain masjid non kelompok dan Taman Asuhan Kanak-Kanak sebelum umur wajib sekolah.

3.1 Sekolah Fardu 'Ain Kelompok TADIKA.

TADIKA adalah nama ringkas dari nama “ TAMAN DIDIKAN KANAK-KANAK ” iaitu nama sekolah pendidikan fadu 'ain yang didirikan di kawasan masjid atau atas tanah milik masjid. Walaupun namanya tidak begitu tepat dengan peranan pendidikan tersebut . tetapi sudah menjadi maklum bagi masyarakat Islam di Thailand, bahawa TADIKA adalah sekolah fardu 'ain di tiap-tiap masjid yang berperan mengajar agama Islam semenjak dari peringkat persiapan, pringkat Ibtidaiyyah, bahkan ada masjid yang mengajar sampai peringkat mutawassitah. Pendidikan fardu 'ain di TADIKA merupakan suatu peranan masjid yang penting sesudah ibadah salat , usaha ini semata-mata di ujudkan oleh ahli jawatan kuasa masjid dan masyarakat setempat. Bila dan di manakah usaha ini dimulakan agak sulit untuk diberi jawapan secara pasti. Bagaimanapun bangunan TADIKA pada umumnya sangatlah sederhana, para guru umumnya juga mengajar secara khidmat , alat pendidikan digunakan apa sahaja yang ada , tetapi kuat jiwa kependidikannya. sedangkan tugas dan peranan bahagian pentadbiran ialah mengadakan prasarana pendidikan, seperti bangunan sekolah dan alat-alat belajar-mengajar, menyediakan guru, megadakan pembelajaran dan wang sagahati untuk guru.

3.2 Sekolah fardlu'in kelompok SAMAKOM KURU SAMPHAN.

Samakom Kuru Samphan yang diringkas dengan SKS adalah salah satu “ Persatuan Kerjasama Guru” yang didirikan oleh pemuka-pemuka muslim di Bangkok, pada tahun 2499 B. bersamaa tahun 1956 M iaitu empat puluh lapan tahun yang lalu. Pengasas SKS adalah sejumlah alumni pelajar sekolah al-Yu'manul-Islam, Bangrak , Bangkok. Pracha Muktari adalah ketua pertama SKS. Masjid-masjid yang terletak di wilayah dan daerah umat Islam yang berbahasa Thai sebagai bahasa harian (bukan bahasa Melayu) di seluruh Thailand, mereka mengajar agama Islam peringkat fardlu 'ain di masjid masing-masing dengan menggunakan buku pelajaran agama Islam yang dikeluarkan oleh SKS. Masjid yang mengajar fardlu 'ain kelompok SKS ini akan menempuh ujian peperiksaan yang dicadangkan oleh SKS sendiri , dimana SKS melantik wakil usahanya yang terkenal dengan nama “ Noi Soob SKS” atau “Pusat Pelaksanaan Ujian Peperiksaan SKS” , yang terdapat lebih dari lima puluh pusat diseluruh Thailand. Maka dengan hubungan tersebut, masjid berfungsi sebagai wadah penyedia dan kerjasama dengan SKS, sedangkan tugas dan peranannya ialah sama dengan kelompok TADIKA iaitu mengadakan prasarana pendidikan, seperti bangunan sekolah dan alat-alat belajar-mengajar, menyediakan guru, megadakan pembelajaran dan wang saguhati untuk guru.

Pada tahun 2540 B atau tahun 1997 M. pihak kerajaan, melalui Kementerian Pendidikan telah menguarkan peraturan “Pusat Pembinaan Akhlaq dan Pendidikan Islam di Masjid tahun 2540”, menetapkan cara pelaksanaan pendidikan di masjid dan memberi peruntukan sumbangan kewangan kepada tenaga mengajar. Ini menunjukan satu tahap

pembaharuan pendikan fardu 'ain di masjid telah diambil perhatian oleh pemerintah.

3.3 Sekolah fardu 'ain masjid non kelompok.

Maksudnya masih terdapat sekolah fardu 'ain di masjid yang bersifat berdikari, tidak berpihak baik dengan kolompok TADIKA maupun SKS, apakah mereka ada berpadu dengan wadah yang lain, hal ini belum ada kepastian dalam masyarakat dan belum dikenali umum.

3.4 Taman Asuhan Kanak-Kanak sebelum umur wajib sekolah, iaitu salah satu usaha perkhidmatan mengadakan tempat mengasuh anak-anak kecil sebagai taman asuhan Islam dibawah naungan masjid. Menyediakan anak-anak umur antara 3 sampai 6 tahun atau belum wajib sekolah kerajaan/kebangsaan.

4. KEGIATAN SOSIAL DAN DA'WAH

4.1 Majlis pengajian di masjid. Pihak Ahli Jawatankuasa masjid di Thailand umumnya mereka mengadakam majlis pengajian harian dan mingguan di masjid, untuk memberikan pengetahuan agama Islam kepada makmum atau anggota kariah masjid.

4.2 Tabung wang syarikat mati. Maksudnya ada sejumlah masjid di Thailand yang berusaha memungut wang tabung syarikat mati bagi anggota makmum masjid masing-masing, tujuannya ialah untuk memudahkan dalam proses kematian, serta meringankan beban keluarga si mati.

4.3 Pusat penerangan umat. Khususnya pengumuman dan maklumat harian disetiap waktu salat, papan pengumuman dan penerangan

minguan pada hari Jumat. Masjid telah mengambil bahagian yang penting, terutama masjid-masjid di pedesaan atau di kampong-kampong.

Demikianlah sepintaskilas mengenai "Fungsi dan Peranan Institusi Masjid Dalam Pembangunan Masyarakat Islam di Thailand. Masjid di Thailand merupakan institusi agama Islam yang terpenting bagi kehidupan umat Islam minoriti disana. Melalui masjid inilah umat Islam Thailand dapat mempertahankan 'aqidahnya yang kuat dan taguh. Walau bagaimanapun rupa masjid secara fizikalnya sangat sederhana sekali jika dibandingkan dengan masjid-masjid di negeri jiran seperti Malaysia, Indonesia dan Negara Brunei Darussalam. Apatah lagi kalaulah kita dapat melihat dan tergambar bangunan sekolah fardu 'ain di masjid secara lebih dekat. Kepada umat Islam di Thailand bentuk sedemikian rupa sudah merupakan kebanggaan dan tanda kesungguhan hati dan syukur kehadirat Allah Subhanahu Wata'ala yang telah menaungi mereka selama ini.